

06 NOV 2000

Mahathir-Penerbangan Malaysia

KERAJAAN MUNGKIN LEPASKAN SAHAM ISTIMEWA "PENGHALANG" DALAM MAS

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan melepaskan "saham istimewa" miliknya dalam Penerbangan Malaysia (MAS) jika ia dianggap sebagai penghalang kepada pelabur-pelabur asing yang berminat mengambil pegangan dalam syarikat pengangkut kebangsaan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu ketika ditanya pemberita selepas beliau merasmikan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40 di sini mengenai sama ada kerajaan akan melepaskan "saham istimewa" itu berikutan desas-desus bahawa pelabur asing menganggap saham itu sebagai kemungkinan penghalang kepada pelaburan.

Menerusi "saham istimewa", kerajaan mempunyai kuasa veto yang dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadan (MOF).

Bagaimanapun, beberapa pegawai tinggi kerajaan sebelum ini menyatakan "saham istimewa" itu tidak akan menjadi penghalang kerana pelabur asing menganggap dengan adanya saham tersebut bermakna kepentingan mereka terjamin.

Mengenai sama ada jawatan ketua pegawai eksekutif Penerbangan Malaysia boleh dipegang oleh orang asing, Dr Mahathir berkata banyak syarikat tempatan pada hari ini mempunyai pengurus-pengurus yang terdiri daripada orang asing.

Beliau berkata terdapat kemungkinan perkara itu boleh berlaku dalam Penerbangan Malaysia.

MAS ketika ini diterajui oleh pengerusinya Tan Sri Tajudin Ramli, di mana syarikat miliknya Naluri Bhd, memegang 29.09 peratus pegangan dalam syarikat penerbangan itu.

Kepada satu soalan sama ada Penerbangan Malaysia akan mempunyai seorang pengerusi baru, Dr Mahathir berkata isu saham Tajudin perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Kerajaan masih dalam perbincangan untuk membeli saham Tajudin, katanya.

Berhubung rakan kongsi asing bagi Penerbangan Malaysia, di mana terdapat khabar angin yang menyatakan empat pihak -- Qantas, KLM, Swiss Air and Air France -- adalah calon yang berpotensi, Dr Mahathir berkata kerajaan masih belum memutuskan mana satu rakan kongsi yang terbaik bagi MAS.

Di sidang akhbar yang sama, soalan juga diajukan sama ada pelesenan 3G atau operasi komunikasi generasi ketiga akan diberikan kepada sebuah konsortium.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, ketika menjawab soalan itu, berkata kerajaan masih belum mengambil sebarang keputusan.

Sebelum ini Moggie dilaporkan sebagai berkata bahawa keputusan untuk meluluskan peruntukan pelesenan itu akan dibuat tahun depan bagi membolehkan operasi komersilnya bermula pada tahun 2002.

3G adalah generasi seterusnya telefon mudah alih yang membolehkan video, audio dan data dihantar pada kelajuan yang lebih pantas.

-- BERNAMA

SHO SHY ZK MA AKD